

SOALAN NO:41

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris
[Jerantut]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan matlamat dan tujuan penubuhan Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) dan adakah penubuhannya telah menyumbang kepada kemajuan baka ternakan berkualiti tinggi untuk diternak oleh penternak di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Matlamat penubuhan Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) yang mula beroperasi pada tahun 1987 di Jerantut, adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kualiti genetik ternakan berpotensi komersial.
- ii. Konservasi dan eksploitasi sumber genetik ternakan domestik.
- iii. Menggunakan serta memperkenalkan bioteknologi terkini untuk meningkatkan kualiti ternakan negara ini.
- iv. Menghasilkan maklumat penyelidikan terkini di bidang bioteknologi ternakan.
- v. Memberikan khidmat pakar rujuk kepada pelanggan jabatan dalam bidang pembakaan dan bioteknologi ternakan.

IBVK telah mengeluarkan dan menghasilkan semen beku daripada lembu jantan yang terpilih berdasarkan kepada prestasi genetik terbaik dan diedarkan secara percuma melalui penyelaras pembiakan Jabatan Veterinar Negeri untuk digunakan oleh penternak negara ini dalam program pembiakan secara pernian beradas.

IBVK memberi dan menyediakan perkhidmatan pakar teknologi pembiakan seperti teknologi pernian beradas, pengurusan

semen beku, pemeriksaan kebuntingan, pemeriksaan dayabiak pejantan, penilaian semen pejantan di lapangan, pemeriksaan kesuburan betina dan pengurusan peningkatan kualiti genetik ternakan. Perkhidmatan ini diberikan samada di lapangan kepada penternak ataupun diberikan latihan di IBVK bagi memberi pendedahan kepada penternak untuk melakukan sendiri aktiviti tersebut terhadap ternakan mereka.

IBVK juga telah bertanggungjawab untuk menjalankan program konservasi sumber genetik ternakan tempatan (*indigenous*) bagi memastikan ternakan baka tempatan tidak terancam, kekal ketulenannya dan boleh dieksploitasi kelebihan yang ada padanya bila diperlukan. Ternakan tempatan ini mempunyai ketahanan terhadap penyakit, kesuburan tinggi, nilai keibuan tinggi, boleh hidup dalam keadaan ekstrim dan boleh menggunakan makanan berkualiti rendah.

IBVK turut menjalankan penyelidikan teknologi pembiakan gunaam bagi kegunaan penternak meningkatkan keberkesanan pembiakan di lapangan. Teknologi pembiakan seperti Superovulasi Berganda dan Pemindahan Embrio dan juga teknologi Persenyawaan secara In-Vitro yang mana merupakan kaedah penghasilan embrio secara banyak. Teknologi ini diharapkan dapat membekalkan embrio yang berkualiti tinggi kepada penternak selain daripada teknologi pernian beradas yang sedia ada di masa hadapan.